



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PERTANDINGAN KEBUN
KEJIRANAN 2019 & MAJLIS PENYERAHAN
MESIN KOMPOS "*ECONOMICAL FOOD WASTE
COMPOSTER*" (EFWC)

OLEH

TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATO' SERI UTAMA (Dr.) HAJI ABDUL RAHMAN
BIN HAJI ABBAS
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
21 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)
3.00 PETANG

**LOBI MENARA MPSP
BANDAR PERDA, BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bertam

Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal Bin Ahmad

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Telok Ayer Tawar

Yang Berhormat Tuan Satees A/L Muniandy

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bagan Dalam

Yang Berhormat Tuan Lee Khai Loon

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Machang Bubuk

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Jawi

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berbahagia Tuan Kamarul Haizal Bin Koderat

Pegawai Daerah

Pejabatn Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Tengah

Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Norkhalid Bin Salimin

Pengarah (Pusat Transformasi Komuniti Universiti)

[Mewakili Naib Canselor UPSI]

Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Yang Berusaha Dr. Mohd Izwan Bin Shahril
Pengarah (Pusat Alumni)
[Mewakili Timbalan Naib Camselor UPSI]
Universiti Pendidikan Sultan Idris**

**Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Mohd Zahuri Bin Khairani
Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Che Zalina Binti Zulkifli
Yang Berusaha Professor Dr. Mohd. Fauzi Bin Sedon @ M. Dom
Universiti Pendidikan Sultan Idris**

**Yang Berusaha Asisten Komisioner (ACP) Nik Ros Azhan Bin Nik Abdul Hamid
Ketua Polis Daerah (OCPD) Seberang Perai Tengah**

**Yang Berusaha Encik Koay Hean Heong
Pengurus Shence International (M) Sdn. Bhd.**

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Yang Berusaha Encik Zabidi Bin Abdul Razak
Chief Executive Officer
KPJ Penang Specialist Hospital**

**Datin Hjh Che Limah Binti Hj Ujang
Pengerusi PUSPANITA**

**Encik Mohd Tahir Bin Othman
Pengerusi ANULAE Cawangan Seberang Perai**

**Encik Mohd Nasir Bin Hassan
Naib Yang Dipertua PESUKA**

**Encik Mohamad Nizam Bin Md Shariff
Yang Dipertua PERMAI**

**Puan Latifah Binti Razali
Pengerusi KOSPEMA**

Kakitangan-Kakitangan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Wakil Komuniti Kebun Kejiran

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran Pertandingan Kebun Kejiranan Kawasan Seberang Perai 2019 & Majlis Penyerahan Mesin Kompos “*Economical Food Waste Composter*” (EFWC) kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Terlebih dahulu saya ingin Menjunjung Kasih Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang serta merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun menyempurnakan majlis pelancaran pada petang ini.

Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun jelas membuktikan betapa mekar dan bersemaraknya kasih sayang seorang Yang Di-Pertua Negeri terhadap rakyat jelata. Tuan Yang Terutama Tun amat dekat dengan hati rakyat dan saya rasa amat terharu atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun untuk hadir bersama-sama kita pada petang yang amat bermakna ini. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan seisi keluarga sentiasa di bawah

naungan rahmat Tuhan dan dikurniakan kesihatan dan keselamatan yang berpanjangan, dilimpahi rahmat, mendapat magfirah, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimurahkan rezeki untuk terus memayungi Negeri Pulau Pinang yang tercinta ini. Kita berasa bersyukur kerana di bawah kepimpinan Tuan Yang Terutama Tun, Negeri Pulau Pinang bertambah maju, aman dan makmur.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), yang telah bekerjasama dengan MPSP dalam menghasilkan *Economical Food Waste Composter* (EFWC). Ini merupakan satu kerjasama strategik menggunakan pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), di mana melalui pendekatan ini, jalinan kerjasama pelbagai pihak secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar dan bumi kita serta memberi manfaat kepada rakyat.

Hari ini kita akan menyaksikan penyempurnaan dua (2) majlis secara serentak iaitu Majlis Pelancaran Pertandingan Kebun Kejiranian Kawasan Seberang Perai 2019 yang akan dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua

Negeri Pulau Pinang & Majlis Penyerahan Mesin Kompos “*Economical Food Waste Composter*” (EFWC) kepada Tuan Yang Terutama Tun.

Tuan Yang Terutama Tun, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengorak langkah untuk menjadi Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar menjelang tahun 2022. Pengurusan sisa pepejal merupakan salah satu isu utama bagi kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), termasuklah MPSP. Peningkatan berterusan sisa pepejal boleh menyebabkan berlakunya kekurangan kawasan tapak pelupusan dan pada masa yang sama, tapak pelupusan melepaskan gas rumah hijau yang menjadi penyebab kepada perubahan iklim dan pemanasan global. Dengankekangan tenaga kerja, peningkatan jumlah pembuangan sisa serta masalah kekurangan tapak pelupusan, penstrukturkan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi tujuan penambahbaikan amat diperlukan. Pengurusan sampah dan pembersihan awam menelan belanja yang tinggi yang harus dipikul oleh MPSP. Justeru, salah satu hala tuju strategik MPSP adalah untuk meningkatkan **Kadar Kitar Semula** sebanyak **70%** dan **pengurangan 50%** per kapita penghasilan sampah pada tahun 2022.

Tuan Yang Terutama Tun, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan

Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Hari ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan Seberang Perai telah berjaya mencapai kadar kitar semula tertinggi di Malaysia iaitu 47.15% pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 3.9% dari tahun 2017. Saya harus memberi pengiktirafan ini kepada warga MPSP dan semua komuniti Seberang Perai. Kita berada di landasan yang betul.

Kadar per kapita sampah yang dihasilkan juga didapati berkurangan daripada 1.6 kg/orang/hari pada tahun 2016 kepada 1.09 kg/orang/hari pada tahun 2017 dan disasarkan terus berkurangan kepada 0.8 kg/orang/hari serta dapat mengurangkan jumlah pelepasan gas rumah hijau (GHG) daripada **8.0 tan CO₂e per kapita** kepada **4.65 tan CO₂e per kapita** pada tahun 2022.

MPSP adalah PBT yang pertama di Malaysia melaksanakan Sistem Pengurusan Perangkap Minyak Bersepadu iaitu memasang, menyelenggara, dan mengitar semula minyak . Peringkat permulaan lima (5) lokasi telah pun siap dilaksanakan dengan jayanya iaitu Kompleks Makanan Jalan Mohd Saad, Komplek Makanan Tun Dr Awang, Komplek

Makanan Taman Desa Murni, Kompleks Makanan Taman Guar Perahu dan Kompleks Makanan Taman Guru, melibatkan 78 gerai dengan kos RM204,647.00.

MPSP akan memperluaskan Sistem Pengurusan Perangkap Minyak Bersepadu kepada 30 kompleks makanan di seluruh Seberang Perai pada tahun 2019 dengan anggaran kos RM2juta. MPSP tidak teragak-agak untuk menarik balik penyewaan sekiranya peniaga enggan bekerjasama dalam menyelenggara perangkap minyak dalam premis mereka.

MPSP mensasarkan 50,000 pokok ditanam sebelum tahun 2022 dan anggaran pokok akan ditanam setiap tahun adalah berjumlah 10,000 batang pokok. Sekali lagi saya ingin umumkan komuniti Seberang Perai telah berjaya menanam 12,326 batang pokok melepas sasaran 10,000 yang telah ditetapkan. Penanaman pokok adalah penting dalam mengimbangi pelepasan karbon melalui penghasilan oksigen. Sehingga 7 September 2018, jumlah pokok yang telah ditanam di seluruh Seberang Perai adalah 255,315 batang pokok.

Majlis Perbandaran Seberang Perai menganjurkan acara tahunan menanam pokok bersempena dengan bulan Kemerdekaan. Usaha ini merupakan kerjasama di antara MPSP, sektor swasta, NGO, sekolah,

institusi pengajian tinggi. Program ini dijangka akan meningkatkan lagi semangat patriotisme dan muhibah di kalangan kita dan memperkuuhkan lagi perpaduan dan keharmonian rakyat di negara ini, terutamanya di Seberang Perai.

MPSP akan memperbanyakkan *pocket park*, *photography park*, *community park* (*one baby one tree*). MPSP juga memperuntukkan sebanyak RM0.5juta untuk Projek Robina Ecopark, Projek Jambatan Keretapi Pinang Tunggal dan naik taraf kemudahan dan insfrastruktur kawasan pelancongan.

Dasar pemasangan lampu LED telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2018. Pembangunan baru disyaratkan supaya pemasangan lampu-lampu jalan yang diselenggara oleh MPSP hendaklah lampu LED. MPSP akan membuat penggantian lampu jalan sedia ada jenis SON kepada jenis LED. Langkah ini dapat menjimatkan kos bayaran bil elektrik sehingga 60% daripada bil asal sebelum penggantian lampu LED.

Tuan Yang Terutama Tun, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan

Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MPSP adalah PBT yang pertama yang memberi keutamaan kepada remaja dan warga emas dengan merancang program-program yang bersesuaian dengan mereka seperti program *Eco-Teraphy, forest bathing*, sambutan perayaan *World River Day*, berkolabragi dengan JCI untuk mencintai hidupan, mendidik supaya tidak menggunakan plastik pakai buang seperti *straw*, plastik botol dan sebagainya.

MPSP telah menghentikan penyediaan air minuman dalam botol plastik atau cawan plastik pakai buang dalam semua mesyuarat dan acara rasmi yang dianjurkan oleh MPSP mulai 1 Julai 2018. Kakitangan adalah digalakkan membawa bekas minuman sendiri ke mesyuarat atau program-program anjuran MPSP.

Seberang Perai mempunyai 69 pusat kitar semula di kawasan perkampungan dan taman perumahan, kilang, NGO dan juga sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai untuk menjalankan aktiviti kitar semula. Bagi tahun 2018, sebanyak 425,640,280 tan barang kitar semula telah dikutip dan dikumpul dari seluruh kawasan Seberang Perai di mana

7,987,294 tan adalah daripada pusat-pusat kitar semula. MPSP mempunyai *competitive advantage* dalam bidang pembikinan barang *upcycle* sehingga berjaya mewujudkan *Upcycle Park* pertama di Malaysia yang telah mendapat pengiktirafan dalam *The Malaysia Book of Records* pada 28 Julai 2018.

MPSP telah mengilap *competitive advantage* dalam produk *upcycle* dengan memberi penekanan kepada aspek pengetahuan seni dan saintifik dalam penghasilan produk *upcycle*, iaitu penghasilan Mural 3D dengan kerjasama pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Program membuat Mural 3D di Menara MPSP adalah menggunakan konsep “*Re-Imagining Waste as a Resources*” di mana mural yang dihasilkan menggunakan penutup botol minuman yang dibuang. Mural 3D ini adalah berdasarkan gambar-gambar pemandangan di Seberang Perai yang dipilih. Projek penyediaan empat (4) Mural 3D berukuran 20' x 8' dilaksanakan pada 21 hingga 23 September 2018 dengan penglibatan 595 orang sukarelawan yang dibimbing oleh pihak Universiti Pendidikan Sulatan Idris dan menggunakan 71,000 unit penutup botol terpakai yang telah dikumpulkan. Saya ingin mengulangi rasa terharu kerana projek penyediaan empat (4) mural 3D ini telah diperkenankan oleh Tuan Yang Terutama Tun pada 23 September 2018.

MPSP menggunakan kaedah penjualan barang kitar semula menggunakan Sistem *Recycle For Life*. Melalui sistem ini, hasil jualan barang kitar semula akan dimasukkan dalam Kad *Recycle For Life*. Semua kakitangan MPSP diseru untuk mendaftarkan diri bagi mendapatkan kad ini. Sistem ini menggalakkan amalan kitar semula di kalangan kakitangan dan membolehkan mereka berbelanja dengan hasil jualan barang kitar semula tersebut. Kakitangan yang mempunyai Kad *Recycle For Life* boleh membawa barang kitar semula ke Menara MPSP setiap bulan untuk dijual kepada syarikat E-idaman. Hasil jualan akan dikumpulkan di dalam kad ini dan nilai ringgit di dalam kad tersebut boleh digunakan untuk membeli barang di Pasaraya-Pasaraya, rangkaian restoran terpilih, membayar bil air dan juga membeli prepaid. Kad RFL ini juga boleh diakses melalui aplikasi Recycle For Life bagi tujuan menyemak baki dan lain-lain transaksi seperti menambah nilai dalam kad tersebut.

Dan yang terbaru adalah penggunaan mesin kompos *Economical Food Waste Composter* atau EFWC yang merupakan salah satu kaedah dalam pengurusan sisa makanan dan menukarkannya kepada satu bahan yang memberi faedah iaitu baja kompos.

Tuan Yang Terutama Tun, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan

Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Economical Food Waste Composter atau EFWC adalah merupakan satu inovasi MPSP bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk memproses sisa makanan. Sisa-sisa makanan atau sisa buangan dapur akan diproses menggunakan *Economical Food Waste Composter* (EFWC) menggunakan motor untuk pengudaraan dan mikroorganisma bagi mempercepatkan proses pengkomposan. Sebanyak 50kg sisa organik boleh dimuatkan dalam mesin ini dan kompos boleh dihasilkan dalam masa lima (5) hari.

Saya menyeru agar komuniti setempat mula mengamalkan pengkomposan sisa makanan yang akan membantu mengurangkan penjanaan sampah ke tapak pelupusan sekaligus dapat menjadikan sisa sifar sebagai gaya hidup. Pihak MPSP akan sentiasa bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan dalam memberikan perkhidmatan yang sebaiknya. Kerjasama komuniti dan masyarakat setempat amat penting kerana ia dapat membantu MPSP dalam aspek menjaga kebersihan.

Tuan Yang Terutama Tun, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan

Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya berasa amat terharu dengan keperihatinan Tuan Yang Terutama Tun, kerana sudi melaksanakan kompos sisa organik di kediaman Seri Mutiara. Sesungguhnya kesudian ini memberi teladan kepada rakyat untuk melaksanakan kompos sisa organik di kediaman masing-masing. Sesungguhnya Tuan Yang Terutama Tun adalah juga pencinta alam sekitar yang menjadi aspirasi kepada rakyat.

Hari yang bersejarah ini, Tuan Yang Terutama Tun sudi melancarkan Pertandingan Kebun Kejiranan Kawasan Seberang Perai 2019. Pertandingan ini yang julung kali dianjurkan oleh Pasukan Kerja LA21 MPSP dan ditaja oleh Shence International (M) Sdn. Bhd. bertujuan untuk mengiktiraf program kebun kejiranan yang berjaya dan boleh dibanggakan. Kriteria pemilihan adalah berdasarkan kepada kemantapan pengurusan ladang, produktiviti yang baik, penggunaan teknologi, pengalaman pertanian baik, pemasaran, keadaan fizikal projek dan lain-lain aspek yang berkaitan.

Program ini diadakan untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kemampuan komuniti dan penambahbaikan pencapaian komuniti yang cemerlang dalam penjagaan alam sekitar dan kemampuan komuniti.

Setiap komuniti yang mengambil bahagian diberikan kompos 50kg sebagai insentif penanaman sayur-sayuran organik. Dalam rekod MPSP, terdapat 30 komuniti yang sedang berusaha menanam sayur secara berkomuniti. Adalah diharapkan tanah lapang yang terbiar boleh diusahakan bagi kebun kejiran. MPSP dan Jabatan Pertanian sedia membantu komuniti membuat kompos untuk kegunaan tanaman organik - makan sihat, badan sihat, jimat wang dan akhirnya membantu pengurangan jejak karbon. Program kebun kejiran merupakan satu usaha untuk menggalakkan penjagaan kebersihan dan penghijauan serta penglibatan komuniti serta dapat menjana pendapatan komuniti (*Local Economic Development*).

Objektif penganjuran Pertandingan Kebun Kejiran Kawasan Seberang Perai 2019 adalah untuk:-

- i. Memanfaatkan tanah kosong untuk menanam sayur-sayuran;

- ii. Menggalakkan penduduk setempat untuk menghasilkan bahan makan utnuk keperluan harian;
- iii. Mengurangkan kos sara hidup komuniti setempat;
- iv. Meningkatkan minat golongan muda terlibat di dalam sector pertanian; dan
- v. Memanfaatkan penggunaan teknologi terkini dalam projek pertanian yang diusahakan.

Syarat-syarat penyertaan dalam Pertandingan Kebun Kejiranan Kawasan Seberang Perai 2019 adalah:-

- i. Terbuka kepada semua projek kebun kejiranan komuniti di Seberang Perai;
- ii. Projek mestilah berdaya maju dan aktif dilaksanakan sekurang-kurangnya dalam tempoh sembilan (9) bulan;
- iii. Keluasan kawasan adalah minima 30 meter persegi dan tiga (3) orang peserta;
- iv. Penyertaan pertandingan perlu menggunakan Borang Pertandingan rasmi;
- v. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 30 April 2019 ;

Pihak Shence International (M) Sdn. Bhd. telah sudi menaja hadiah-hadiah kemenangan pertandingan. Hadiah-hadiah yang disediakan adalah dalam bentuk wang tunai:-

- i. Johan: RM1,000.00 dan sijil kepujian;
- ii. Naib-Johan: RM800.00 dan sijil kepujian;
- iii. Ketiga: RM500.00 dan sijil kepujian
- iv. Dua (2) Hadiah saguhati: RM300.00 dan Sijil kepujian
- v. Semua peserta kebun kejiranan akan diberi sijil penyertaan serta kompos semasa pendaftaran.

Penilaian pertandingan akan diadakan dalam bulan Oktober 2019 diikuti dengan Majlis Pemberian Hadiah Kemenangan pada bulan November 2019. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Shence International (M) Sdn. Bhd. di atas penajaan hadiah-hadiah kemenangan.

Tuan Yang Terutama Tun, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan

Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MPSP dalam menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan hijau serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Akhir kata, saya memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun, jika ada ketelanjuran kata, salah bicara sepanjang ucapan ini. Terima kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun hadir pada petang ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pimpinan UPSI, pensyarah-pensyarah dan tenaga kerja UPSI, komuniti Seberang Perai yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini. **Seperti kata peribahasa Melayu, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.** Terima kasih sekali lagi kepada pihak UPSI dan juga Shence International (M) Sdn. Bhd. atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan program ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih